

11 OCT 2003

Dewan-Pulau Pinang (bajet)

BELANJAWAN PULAU PINANG TAHUN 2004 TAMBAH RM30 JUTA

PULAU PINANG, 11 Okt (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang hari ini membentangkan bajet bagi tahun 2004 dengan mencadangkan peruntukan RM378,291,770 iaitu peningkatan sebanyak RM30 juta atau 8.7 peratus berbanding belanjawan tahun 2003.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon ketika membentangkan bajet itu pada sidang Dewan Undangan Negeri di sini berkata, daripada jumlah itu, kerajaan memperuntukan RM262 juta bagi tujuan mengurus, iaitu peningkatan sebanyak RM17.1 juta atau 7 peratus berbanding belanjawan tahun 2003, dan sejumlah RM147.5 juta untuk pembangunan, iaitu peningkatan sebanyak RM44.2 juta atau 43 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Selaras dengan hasrat untuk mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negeri, kedua-dua bajet mengurus dan pembangunan 2004 diberi peruntukan yang lebih dengan penekanan kepada aktiviti yang boleh mempertingkatkan sistem penyampaian bagi melaksanakan projek pembangunan dan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Katanya bagi memperkukuhkan usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, kerajaan negeri memperuntukkan RM31 juta daripada anggaran mengurus untuk menampung pembiayaan projek-projek pembangunan walaupun peruntukan seumpama ini telah dibekukan dalam bajet 2003.

Koh berkata, daripada segi kemampuan kewangan kerajaan negeri, walaupun anggaran hasil bagi 2003 adalah sebanyak RM220.4 juta, namun berdasarkan prestasi tahun 2002 dan 2003, kerajaan meramalkan memperolehi hasil sebanyak RM227.75 juta bagi tahun 2004.

"Amaun hasil ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan tahun 2004 dan dengan demikian bajet 2004 mencatatkan defisit sebanyak RM34.03 juta," katanya.

Dalam ucapannya, Koh juga berkata rakyat Pulau Pinang menyanjung tinggi jasa dan khidmat bakti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah membangunkan negara ini menjadi sebuah negara yang disegani.

Katanya, Dr Mahathir telah membuktikan kepimpinan yang berkesan dengan sentiasa meneliti, menganalisis dan menangani butir-butir mengenai hampir segala aspek yang berkaitan dengan pembangunan negara dan pentadbiran kerajaan.

"Rakyat Pulau Pinang yakin perjuangan Dr Mahathir dapat disambung dengan cemerlang oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Pada satu ketika semasa Koh sedang berucap, dewan menjadi gelap gelita selama 30 saat akibat gangguan bekalan elektrik.

Persidangan dewan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

AZE MAI